

10/07/1998

Pemindahan pusat pemeriksaan dibincang

JOHOR BAHRU, Khamis - Beberapa pegawai kanan Wisma Putra kini berada di Singapura dipercayai untuk berbincang dengan pihak berkuasa republik itu berhubung tindakan memindahkan tempat pemeriksaan kastam, imigresen dan kuarantin (KIK) penumpang kereta api dari Tanjung Pagar ke Woodlands, mulai 1 Ogos depan.

Sumber memberitahu Berita Harian, beberapa pegawai kanan yang akan mengadakan perbincangan itu diketuai ketua setiausahanya, Datuk Abdul Kadir Mohamad.

"Pegawai terbabit dijangka mengadakan perbincangan dengan pihak berkuasa Singapura mengenai tindakan itu (memindahkan KIK dari Tanjung Pagar ke Woodlands) esok," katanya, hari ini.

Pada 29 Jun lalu, Menteri Luar Singapura, Prof S Jayakumar mengumumkan semua pemeriksaan KIK akan dibuat di kemudahan KIK baru di Woodlands mulai 1 Ogos depan dan bukan di Stesen KTMB di Tanjung Pagar.

Jayakumar yang mengesahkan perkara itu di sidang Parlimen Singapura, berkata Malaysia menolak memindahkan tempat pemeriksaan itu ke Woodlands.

Beliau berkata, Malaysia sudah diberitahu hasrat Singapura untuk memindahkan tempat baru di Woodlands pada 1989 dan September 1993. Malaysia mulanya dikatakan bersetuju memindahkan tempat pemeriksaan itu.

Berikutan keputusan itu, Menteri Luar Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dilaporkan berkata, kerajaan Malaysia akan berbincang dengan pihak berkuasa di Singapura mengenai tindakan republik itu memindahkan tempat pemeriksaan KIK penumpang kereta api dari Tanjung Pagar ke Woodlands mulai 1 Ogos.

Katanya, perbincangan secara terbuka itu amat penting bagi memastikan sebarang perselisihan faham, jika ada, dapat diselesaikan segera.

"Pegawai tertentu sudah pun ditugaskan untuk menghubungi pihak berkuasa di Singapura bagi membincangkan perkara itu," katanya.

Keputusan Malaysia untuk terus berada di Tanjung Pagar menimbulkan masalah baru antara kedua-dua negara berhubung tanah milik KTMB kira-kira 200 hektar selepas Singapura membangkitkan satu perkara mengenai tafsiran perjanjian ketika pertemuan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong di Langkawi pada September 1994.

Difahami, sebarang urusan niaga membabitkan tanah KTMB di Singapura tertakluk kepada Perkara-Perkara Yang Dipersetujui (POA) yang ditandatangani dengan Singapura pada 1990.

Singapura dilaporkan mahu mengambil semula tanah itu untuk tujuan pembangunan.

Tanah milik KTMB itu terletak di kawasan strategik dan tinggi nilainya serta berhampiran pusat perdagangan serta pelabuhan Singapura dan aset paling berharga kepada republik itu.

(END)